

SULIT

1249/3

Sejarah
Kertas 3
Ogos 2015
3 jam

NO KAD PENGENALAN

					-		-				
--	--	--	--	--	---	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2015

SEJARAH
KERTAS 3

Masa : Tiga Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :

1. Kertas soalan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**.
2. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
4. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
5. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.
6. Anda dinasihatkan supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan.
7. Semua kertas jawapan hendaklah diikat dan diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat Sebelah
SULIT

TUGASAN SPESIFIK

Walaupun ditentang oleh orang tempatan, British berjaya menjajah Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Namun, kejayaan ini tidak mematahkan semangat patriotisme penduduk tempatan untuk terus menentang penjajah.

Bincangkan pernyataan tersebut berdasarkan kerangka di bawah.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Latar belakang nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Sebab-sebab penentangan masyarakat tempatan terhadap British.	30 markah
	3. Peristiwa penentangan pemimpin tempatan terhadap British di negeri berikut; i) Pahang (8 markah) ii) Terengganu (7 markah)	15 markah
	4. Cara untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia.	10 markah
	5. Kejayaan yang dicapai oleh Malaysia hasil daripada pengamalan semangat tersebut.	10 markah
	6. Kesan kepada negara sekiranya rakyat tidak memiliki semangat patriotik.	10 markah
	7. Cabaran untuk memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda dan langkah mengatasinya cabaran tersebut.	10 markah

[Lihat Sebelah
SULIT

SULIT

(3)

1249/3


Aspek	Perincian	Markah
	8 Iktibar yang diperoleh daripada perjuangan untuk mengukuhkan kedaulatan bangsa.	5 markah
Kesimpulan	9 Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Nilai-nilai murni dan unsur patriotisme berdasarkan tajuk. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia lebih cemerlang dan terbilang.	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT

- 1 Kertas soalan ini mengandungi tiga halaman bantahan.
Jawapan untuk makalah bantahan boleh dituliskan pada halaman ini.
Calon diminta untuk menulis makalah bantahan pada halaman ini.
Makalah bantahan ini boleh dituliskan dalam bahasa Melayu atau Inggeris.
Calantikan makalah bantahan dengan menggunakan kertas bantahan yang diberikan.
Jangan lupa untuk berperakurasi makalah bantahan sebelum menyerahkan makalah bantahan.
Kemudian lengkapkan makalah bantahan dengan menulis makalah bantahan pada halaman bantahan.
Jangan lupa untuk berperakurasi makalah bantahan sebelum menyerahkan makalah bantahan.

Sejarah
Kertas 3
Ogos 2015

1249/3



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

SEJARAH KERTAS 3

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

SKEMA PEMARKAHAN

| Lihat Sebelah

Soalan	Butiran	Markah
1	Pengenalan :Latar belakang nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.	5
F1	Gerakan nasionalisme merupakan usaha masyarakat tempatan menentang apa sahaja bentuk tekanan atau penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar	1
F2	Semangat patriotik ini didorong oleh hasrat untuk membebaskan negara daripada kuasa penjajah	1
F3	Di Malaysia, penentangan terhadap British telah dilakukan oleh pemimpin dan rakyat tempatan sejak abad ke-19 lagi	1
F4	Gerakan nasionalisme secara menyeluruh pula telah bermula pada awal abad ke-20	1
F5	Gerakan pemimpin tempatan berlaku pada awal kedatangan British ke Malaysia	1
F6	Gerakan ini merupakan reaksi spontan masyarakat tempatan untuk menjaga kepentingan mereka daripada dicerobohi	1
F7	Menjaga kawasan mereka dari dikuasai oleh orang luar	1
F8	Antara pemimpin penentangan ini termasuklah Dol	1
F9	Said/Dato'Maharaja Lela/Tok Janggut/Dato'Bahaman/Haji Abdul Rahman Limpong	1
	[Mana-mana 5 x 1m]	[5m]
2	Sebab-sebab penentangan masyarakat tempatan terhadap British.	30
F1	Dasar penaklukan British	1
H1a	Penentangan terhadap British oleh masyarakat tempatan adalah disebabkan dasar penaklukan British di daerah mereka	1
H1b	Seperti di Naning,Pahang,Kelantan, Terengganu,Sarawak dan Sabah	1
H1c	Untuk mengukuhkan kedudukan politik penjajah	1
H1d	Melalui dasar ini,penguasaan politik British menjadi luas	1
H1e	Kawasan itu akan terikat dengan perintah dan peraturannya	1
H1f	Contohnya,apabila British mengambil alih Melaka daripada Belanda,Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan dipaksa membayar ufti	1
H1g	Penentangan Dol Said terhadap kehendak British mencetuskan perang	1
F2	Eksplorasi terhadap ekonomi tempatan	1
H2a	Penentangan terhadap British berlaku kerana British ingin menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka	1
H2b	Penguasaan ekonomi dilakukan melalui perjanjian yang dimeterai oleh British dengan pemimpin tempatan	1
H2c	Menerusi perjanjian,saudagar dari Negeri-negeri Selat dibenarkan menjalankan aktiviti perlombongan dan perdagangan bijih timah	1
H2d	Ini menimbulkan kemarahan penduduk tempatan terhadap British	1

Soalan	Butiran	Markah
F3	Pelaksanaan pentadbiran Barat terhadap masyarakat tempatan	1
H3a	British telah memaksa sistem pentadbiran Barat kepada penduduk tempatan	1
H3b	British memperkenalkan sistem cukai	1
H3c	Undang-undang dan peraturan-peraturan tanah	1
H3d	Untuk mendapatkan hasil yang maksimum	1
H3e	British menetapkan bahawa setiap tanah yang hendak dibuka oleh penduduk mesti mendapat kebenaran British	1
H3f	Tanah dikenakan cukai.	1
H3g	Peraturan British bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat tempatan	1
H3h	Tanah boleh dibuka mengikut keperluan mereka dan tidak perlu membayar cukai	1
F4	Campurtangan British dalam adat resam tempatan	1
H4a	Campurtangan British dalam adat resam tempatan turut membawa kepada penentangan tempatan	1
H4b	British telah memaksa penduduk tempatan menerima nilai-nilai British yang bertentangan dengan budaya tempatan	1
H4c	Di Perak,J.W.W Birch telah campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu,iaitu amalan menggunakan orang suruhan	1
H4d	Tindakan Birch telah ditentang oleh pemimpin dan masyarakat tempatan	1
F5	Pembesar tempatan kehilangan kuasa dan pengaruh	1
H5a	Pemimpin tempatan kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran ke atas kawasan dan anak buah mereka setelah British menjajah kawasan mereka	1
H5b	Sebelum penjajahan,kebanyakan pemimpin tempatan telah dilantik oleh sultan ataupun masyarakatnya untuk mentadbir kawasan tersebut	1
H5c	Perlantikan ini memberikan pemimpin tempatan kuasa untuk menjaga hal ehwal daerahnya	1
H5d	Seperti soal pentadbiran,perundangan,ekonomi,dan sosial	1
H5e	Penjajahan British terhadap daerah mereka menyebabkan pemimpin tempatan kehilangan kuasa	1
H5f	Keadaan ini menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin tempatan yang mendorong mereka menentang British	1
F6	Kesulitan penduduk tempatan	1
H6a	Penduduk tempatan tertekan dengan pelaksanaan undang-undang British yang menyulitkan kehidupan mereka telah memberi sokongan kepada penentangan pemimpin tempatan	1
H6b	Kesetiaan kepada pembesar tempatan memberikan kerjasama dalam menentang British	1
	[Mana-mana 30 x 1m]	[30m]

Soalan	Butiran	Markah
3	Peristiwa penentangan pemimpin tempatan terhadap British di negeri berikut;	15
(i)	Pahang (8 markah)	
F1	Di Pahang pada tahun 1888, beberapa orang pembesar telah bersatu melawan penguasaan British	1
F2	J.P.Rodger dilantik sebagai Residen Pahang yang pertama	1
F3	Dato' Bahaman telah menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan	1
F4	Perubahan yang dibawa oleh British ialah sistem kehakiman, pemungutan hasil tanah, sistem cukai dan penubuhan pasukan polis luar	1
F5	Undang-undang British telah menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan	1
F6	Dato' Bahaman dan rakan-rakannya seperti Tok Gajah dan Imam Rasul telah bersatu menentang British selama lima tahun	1
F7	Siri penentangan Dato' Bahaman bermula pada tahun 1890, di mana beliau menentang pembinaan Balai Polis Lubuk Terua	1
F8	Pada tahun 1891, Dato Bahaman menyerang British kerana menangkap anak buahnya	1
F9	Pada tahun 1892, menyerang dan menawan semula Lubuk Terua	1
F10	1894, menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai	1
F11	1895, akibat tekanan British, Dato' Bahaman berundur ke Kelantan	1
F12	Dato' Bahaman dan rakan-rakan mendapat perlindungan daripada penduduk dan pembesar Terengganu dan Kelantan	1
F13	Dato' Bahaman menetap di Hulu Kelantan, manakala Tok Gajah dan keluarganya menetap di Hulu Terengganu	1
F14	Pada tahun 1896, Dato' Bahaman berpindah ke Bangkok dan diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkorn	1
F15	Beliau menetap di Chieng Mai dan diberi wang sara hidup sebanyak 1000 baht	1
F16	Akhirnya, beliau meninggal dunia di sana	1
	[Mana-mana 8 x 1m]	[8m]
(ii)	Terengganu (7 markah)	
F1	Haji Abdul Rahman Limpong (HARL) merupakan seorang ulama telah menentang British Di Terengganu	1
F2	Beliau menentang kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai	1
F3	Juga undang-undang tanah British yang diperkenalkan	1
F4	Pada Julai dan Ogos 1922, HARL mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah British	1
F5	Pada bulai Mei 1925, kira-kira 300 orang penduduk kampung telah berkumpul dan membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah ibn Sultan Zainal Abidin III	1

Soalan	Butiran	Markah
5	<p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 10 x 1m]</p> <p>Kejayaan yang dicapai oleh Malaysia hasil daripada semangat tersebut.</p> <p>F1 Pasukan Malaysia memenangi acara sukan di peringkat Antarabangsa-hoki F2 Kejayaan pelayar negara Dato' Azhar Mansor F3 Dato' Abdul Malik Mydin berjaya menyeberangi Selat Inggeris F4 Kejayaan Mohandas dan Magendran mendaki Gunung Everest F5 Dato' Nicol David meraih kejayaan dalam sukan skuasy F6 Dato' Lee Chong Wei muncul sebagai pemain nombor satu dunia dalam sukan badminton F7 Dato' Maznah Zulkifli berjaya ke kutub Utara F8 Dato' Sheikh Muzaffar angkasawan pertama negara F9 Tenaga pakar dalam Pembinaan LRT di Makkah F10 Tenaga pakar Petronas dalam carigali petrolium di luar negara F11 Penyertaan rakyat Malaysia dalam pertubuhan di peringkat antara bangsa F12 Dato Seri Zetty Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara yang diiktiraf di peringkat antara bangsa</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 10 x 1m]</p>	<p>10m</p> <p>10</p> <p>1</p> <p>[10m]</p>
6	<p>Kesan kepada negara sekiranya rakyat tidak memiliki semangat patriotik.</p> <p>F1 Politik tidak stabil F2 Kedaulatan/kemerdekaan negara tergugat/mudah dijajah F3 Negara tidak membangun F4 Hasil ekonomi di eksloitasi orang luar/kuasa asing F5 Negara/rakyat mundur/miskin F6 Pemimpin/rakyat tiada integriti F7 Rasuah berleluasa F8 Pemimpin dan rakyat tidak bersatu F9 Negara kucar kacir/huru hara F10 Negara dipandang rendah di peringkat antara bangsa F11 Kemerosotan ekonomi F12 Melahirkan pekerja yang malas dan tidak bertanggungjawab</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 10 x 1m]</p>	<p>10</p> <p>1</p> <p>[10m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
7	<p>Cabarau untuk memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda dan langkah mengatasi cabaran tersebut.</p> <p>Cabarau (5m)</p> <p>F1 Pengaruh budaya luar - budaya negatif-LGBT/k-pop/punk/black metal F2 Gejala sosial/penularan gaya hidup negatif/politik ganas/vandalisme F3 Kurang pengetahuan kenegaraan-buta sejarah F4 Terpengaruh dengan dakyah –dakyah pihak yang sentiasa ingin memecahbelahkan perpaduan kaum F5 Kurangnya penguasaan ilmu dalam kalangan generasi muda F6 Kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan F7 Keruntuhan akhlak masyarakat-nilai-nilai kemanusiaan semakin hilang F8 Terhakis jati diri dalam kalangan generasi muda (Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p>[Mana-mana 5 x 1m]</p>	10
	<p>Langkah mengatasi cabaran (5m)</p> <p>F1 Kempen mencintai negara F2 Pengamalan Prinsip Rukun Negara F3 Diterap dalam matapelajaran Sejarah, Sivik dan Kewarganegaraan F4 Penyertaan program sukarelawan F5 Mengadakan pameran berkaitan sejarah negara F6 Lawatan ke Memorial seperti Memorial Tunku Abdul Rahman F7 Menerbitkan buku tentang tokoh kebanggaan negara F8 Memperkuuhkan jati diri / pegangan agama/adat F9 Program Latihan Khidmat Negara(PLKN) F10 Memperkasakan perpaduan bangsa F11 Menjayakan konsep 1Malaysia F12 Menguasai segala bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran (Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p>[Mana-mana 5 x 1m]</p>	[5m]

Soalan	Butiran	Markah
8	<p>Iktibar yang diperoleh daripada perjuangan untuk mengukuhkan kedaulatan bangsa.</p> <p>F1 Semangat cinta akan negara supaya tidak dijajah F2 Berjuang menegakkan kedaulatan negara untuk menjaga maruah bangsa F3 Taat kepada pemimpin agar kestabilan politik terjamin F4 Berani menentang musuh supaya negara aman F5 Mempertahan hak demi masa depan bangsa F6 Setia dan sedia berkorban untuk negara F7 Kepimpinan berwibawa dan berpandangan jauh agar negara maju F8 Berkeyakinan tinggi supaya mencapai hasrat negara F9 Berdisiplin agar tidak melanggar undang-undang F10 Tidak mementingkan diri sendiri agar lahir perpaduan F11 Kedaulatan negara tanggung jawab rakyat F12 Pemimpin perlu berwibawa agar dapat dicontohi F13 Kepentingan ilmu dalam kehidupan untuk menjamin masa depan F14 Tabah dalam perjuangan untuk mencapai matlamat F15 Teknologi penting untuk keselamatan negara F16 Perancangan yang strategik dan sistematik menjamin pertahanan negara terus kukuh (Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p>[Mana-mana 5 x 1m]</p>	5
9	<p>Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan</p> <p>(a) Pengetahuan yang diperoleh (b) Nilai-nilai murni dan unsur patriotisme berdasarkan tajuk (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia lebih cemerlang dan terbilang.</p>	5